

10 MAY 2001

Abdullah-Pegawai (Bergambar)

ABDULLAH INGATKAN PEGAWAI DAERAH LAKSANAKAN PROJEK SECARA BERKESAN

BANGI, 10 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan pegawai-pegawai daerah bahawa mereka mempunyai peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan projek-projek khususnya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

Beliau berkata projek-projek perlu dilaksanakan secepat mungkin supaya faedahnya dapat dinikmati oleh rakyat dengan lebih cepat.

"Kita mahu semua pelaksanaan berkaitan projek dapat dijayakan dalam apa yang dijadualkan, seboleh-bolehnya biarlah lebih awal.

"Kita tidak mahu sesuatu projek itu terbengkalai kerana masalah yang ada itu tidak dapat diselesaikan. Kita tidak mahu ia menjadi projek yang terbiar," kata Abdullah semasa menutup Persidangan Pegawai-pegawai Daerah Seluruh Malaysia Tahun 2001 di sini, hari ini.

Persidangan tiga hari itu dihadiri oleh 158 pegawai daerah dari seluruh negara. Persidangan itu anjuran Jabatan Perdana Menteri dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata kejayaan RMK8 (2001-2005) antara lain bergantung kepada kecekapan dan kemampuan pentadbiran awam di negara ini.

Katanya pegawai-pegawai daerah adalah pemangkin dalam memastikan sesuatu kerja pentadbiran itu berjalan lancar dan cepat.

Menurutnya jika ada sesuatu masalah di peringkat daerah, pegawai-pegawai daerah mesti berusaha untuk menyelesaikan masalah itu dan hanya merujuk ke peringkat atasan jika masalah itu benar-benar tidak dapat diselesaikan.

"Kita tidak mahu sikap lepas tangan," katanya.

Abdullah berkata walaupun sektor swasta merupakan jentera pertumbuhan ekonomi, tetapi pentadbiran awam mempunyai peranan khususnya dalam memberikan kelulusan dan sokongan tertentu bagi menjayakan projek-projek di peringkat daerah.

Beliau juga meminta pegawai-pegawai daerah melaksanakan pentadbiran yang dinamik dan profesional untuk menghasilkan kejayaan.

-- BERNAMA

RV SHI AHH NAK